

JAWATAN	: AKAUNTAN (GRED WA9)
GRED	: WA9
SKIM PERKHIDMATAN	: AKAUNTAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: TETAP / KONTRAK
LOKASI	: KUALA LUMPUR
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM2,250.00 – RM11,110.00
	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM225.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	: RM300.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	: RM300.00
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	: RM300.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) i. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00); atau
 - ii. lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00); atau
 - iii. lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00).

[Senarai Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 1(a)(ii) adalah seperti di Lampiran B11B].

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
- b. had umur pelantikan:

- i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Keutamaan diberikan kepada calon lelaki
3. Mempunyai integriti yang tinggi dan proaktif
4. Mempunyai pengalaman menyediakan set penyata kewangan yang lengkap
5. Berupaya menyediakan laporan analisis penyata kewangan yang dapat membantu pengurusan Universiti untuk membuat keputusan
6. Memberi khidmat nasihat dan meluluskan sistem perakaunan & kewangan selaras dengan amalan terbaik.
7. Memberi khidmat nasihat kepada pembuat keputusan berkaitan perakaunan & kewangan.

DESKRIPSI TUGAS:

1. Bertanggungjawab menyelaras dan menyelenggara fungsi-fungsi mengenai urusan pembayaran gaji, elaun kerja lebih masa dan tuntutan panjar wang runcit pegawai/kakitangan.
2. Bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti kewangan agensi serta terlibat dalam penggubalan dasar kewangan, pelaburan, pengurusan kewangan, perakaunan dan perancangan keseluruhan bagi setiap proses kerja kewangan iaitu menguruskan perolehan dan pembayaran, mengawal peruntukan, meluluskan pemindahan imbuhan, meluluskan permohonan perbelanjaan, mengurus, mengawal dan memantau pelaburan, mengawal dan memantau pengeluaran cek dan panjar wang runcit, memantau pertanyaan audit dan mengawal harta dan inventori pejabat.
3. Bertanggungjawab menyelaras pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Aliran Tunai serta menyelia dan mengaplikasikan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan Akta-Akta yang sedang berkuat kuasa dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (<https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/>) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.